

Penyediaan Kaunselor Pelatih Berkepimpinan Melalui Program Kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia



Sapora Sipon
Salhah Abdullah
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Latihan penyediaan kaunselor seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) perlu memberi perhatian yang serius dalam memastikan latihan penyediaan kaunselornya bermutu tinggi, berkepimpinan dan dapat memenuhi syarat-syarat keprofesionalisme dalam bidang kaunseling. Perancangan yang rapi dari sudut kurikulum pengajaran, pemilihan calon, taraf kelayakan pensyarah, syarat minimum kelayakan, kemudahan latihan, tempoh masa latihan dan juga ijazah yang ditawarkan perlu disediakan oleh institusi terlibat. Latihan penyediaan kaunselor juga bertujuan untuk menyediakan kaunselor yang tinggi kualiti kepimpinannya disamping memenuhi syarat keprofesionalisme. Kertas kerja ini melihat latihan penyediaan kaunselor Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM yang membentuk ciri kepimpinan pelajarannya. Selain itu, kertas kerja ini melihat latihan penyediaan kaunselor yang rapi dari sudut kurikulum pengajaran, pemilihan calon, taraf kelayakan pensyarah, syarat minimum kelayakan, kemudahan latihan, tempoh masa latihan dan juga ijazah yang ditawarkan.

Kata kunci: kaunselor, silang budaya, sahsiah

Pengenalan

Tugas kaunselor banyak berhubungkait dengan ciri kepemimpinan. Ini kerana tugas kaunselor menyentuh kehidupan klien. Kaunselor juga adalah "role model" yang menyediakan tempat selamat untuk klien bercakap tentang diri, permasalahan dan kehidupan mereka. Kaunselor juga perlu menjadi mentor dan menjadi inspirasi kepada pemimpin. Selain dari itu, kaunselor juga adalah pemimpin kepada generasi akan datang. Kertas kerja

ini melihat latihan penyediaan kaunselor Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM yang membentuk ciri kepimpinan pelajarinya di samping melihat latihan penyediaan kaunselor yang rapi dari sudut kurikulum pengajaran, pemilihan calon, taraf kelayakan pensyarah, syarat minimum kelayakan, kemudahan latihan, tempoh masa latihan dan juga ijazah yang ditawarkan. Secara umumnya, latihan penyediaan kaunselor ini juga bertujuan untuk menyediakan kaunselor yang tinggi kualiti kepimpinannya.

Kemahiran Kepimpinan Dalam Kemahiran Insaniah

Kementerian Pengajian Tinggi telah menggariskan sembilan kemahiran insaniah yang perlu diterapkan oleh IPT bagi memastikan bakal graduannya mempunyai keterampilan, kompeten dan mampu bersaing dalam era global (Garis Panduan Penulisan Program Akademi KPT, 2010) iaitu :

- Pengetahuan
- Kemahiran Psikomotor/ Amali/ Teknik
- Pemikiran Kritikal dan Pendekatan Saintifik
- Kemahiran Berkomunikasi
- Kemahiran Sosial Kerja Berpasukan/ Pertanggungjawaban
- Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat
- Kemahiran Pengurusan dan Keusahawanan
- Profesionalisme, Nilai, Sikap dan Etika
- Kemahiran Kepemimpinan

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2006) lagi, terdapat pelbagai kerangka pembangunan dan pendekatan yang boleh dilaksanakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi dalam usaha untuk membangunkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Antaranya adalah pembangunan kemahiran insaniah melalui aktiviti formal pengajaran dan pembelajaran (P&P), berasaskan program. Salah satu kemahiran insaniah program kaunseling ialah membentuk demonstrasi kemahiran kepimpinan. Selari dengan matlamat KPT ini, penyediaan latihan kaunselor yang disediakan oleh Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM menyediakan bentuk latihan yang membentuk kepimpinan pelajar. Hasrat melahirkan pelajar yang berkepimpinan juga diutarakan melalui objektif, misi dan visi FKP. Objektif FKP ialah melahirkan siswazah yang mendalami bidang kepimpinan dan pengurusan, sesuai dengan perkembangan tuntutan semasa masyarakat dan negara dan mengeluarkan siswazah yang matang dalam bidang kepimpinan dan pengurusan serta menghayati nilai-nilai Islam dan akhlak yang mulia. Di samping itu, objektif FKP ialah melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dengan baik dan memberi sumbangan maknawi dan maddi kepada pembangunan masyarakat dan negara, terutama dalam bidang kepimpinan dan pengurusan.

Latihan Penyediaan Kaunselor

Dalam melaksanakan latihan penyediaan kaunselor, institusi yang terlibat dalam melatih kaunselor perlu merancang rapi bentuk latihan penyediaan kaunselor yang benar-benar berkepimpinan, mantap dan bermutu tinggi. Latihan penyediaan kaunselor juga perlu melahirkan graduan yang mempunyai sifat-sifat murni berpengetahuan, berkemahiran dan berkepimpinan seperti yang terdapat dalam matlamat FKP.

Program yang ditawarkan perlu memastikan perancangan yang rapi dari sudut kurikulum pengajaran, pemilihan calon, taraf kelayakan pensyarah, syarat minimum kelayakan, kemudahan latihan, tempoh masa latihan, ciri berkepimpinan dan juga ijazah yang ditawarkan. Program kaunseling di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak terkecuali dalam mempunyai latihan penyediaan kaunselor yang mantap dari aspek pengetahuan dan kemahiran, pembinaan sikap dan sahsiah (termasuk membina ciri kepimpinan), kaedah pengajaran dan pembelajaran, perspektif silang budaya, praktikum dan penyeliaan, penyelidikan dan penyediaan buku-buku rekod dan kaunseling.

Latar Belakang Program SarjanaMuda Kaunseling, USIM

Hasrat USIM menawarkan program Sarjana Muda Kaunseling ialah melahirkan kaunselor yang berpengetahuan dalam bidang kaunseling dan pengajian Islam yang dapat menjalankan tugas-tugas pembangunan, pencegahan, penasihat, bimbingan dan pemulihan insan. Program SarjanaMuda kaunseling di USIM diperkenalkan kerana ia didapati selari dengan matlamat untuk memperbaiki, mencegah dan memulihkan segolongan ahli masyarakat negara ini daripada sebarang gejala buruk mantap (Panduan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan 2006/2007, 2006). Program kaunseling USIM dapat memberi kefahaman mendalam kepada pelajar tentang falsafah, teori dan konsep yang berkaitan dengan kaunseling dan pengajian Islam supaya dapat diaplikasikan dalam tugas dan kehidupan. Di samping itu, penawaran program kaunseling di USIM ialah untuk melahirkan kaunselor profesional yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan menghayati etika kerja kaunseling serta mempunyai asas pengajian Islam yang kukuh bagi memenuhi tuntutan sernasa.

Pengambilan kumpulan pelajar sulungnya pada tahun 2004/2005 menjadi satu wadah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan, mahir dan profesional dalam bidang kaunseling. Keunikan program kaunseling USIM bertujuan mengembangkan syiar Islam dengan membuka ruang kepada para penyelidik dan pendidik untuk mengkaji, menyelidik dan menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kaunseling.

Keunikan Penawaran Program Kaunseling di USIM

Program kaunseling USIM disusun supaya graduannya dapat memenuhi keperluan yang melayakkan seseorang itu untuk memperoleh pengiktirafan badan profesional seperti Lembaga Kaunselor Malaysia. Lapan elemen utama dalam bidang kaunseling seperti yang telah ditetapkan oleh CACREP (*The Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs*) seperti perhubungan menolong, kerja kelompok, penaksiran, kepelbagaian sosio-budaya, kerja dan gaya hidup, pertumbuhan dan perkembangan manusia, ujian dan pengukuran dan isu dan etika (<http://www.cacrep.org/directory.html>) juga terdapat dalam penawaran kursus Program Kaunseling, USIM.

Penawaran program kaunseling di USIM berbeza dengan program kaunseling di institusi pengajian tinggi yang lain. Perbezaan utama ialah ia selari dengan matlamat penubuhan USIM yang memberi fokus kepada pengajian berteraskan Islam. USIM sebagai institusi yang memberi tumpuan kepada pelajar dari kelulusan Sijil Tinggi Agama dari sekolah-sekolah menengah agama Islam di Malaysia yang berlatarbelakangkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab memberi peluang kepada pelajar untuk menceburi satu bidang profesional di samping mendapat pendidikan Agama dan dakwah yang lebih mantap (Panduan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan 2006/2007, 2006).

Penawaran program kaunseling USIM dapat meningkatkan taraf keprofesionalisme kaunselor yang dilahirkan terutama untuk menghadapi masalah yang berkaitan dengan persoalan kehidupan umat Islam serta hubungan mereka dengan masyarakat bukan Islam. Berbeza dengan latihan kaunselor di universiti lain, program kaunseling di USIM mempunyai keistimewaannya tersendiri di mana hasil keluaran USIM merupakan mereka yang mahir dan mempunyai otoriti dalam bidang Islam, Permasalahan masyarakat di Malaysia kini bukan sahaja memerlukan kaunselor yang terlatih, tetapi juga kaunselor yang terlatih dan mempunyai pengetahuan dan ilmu yang mendalam dalam bidang keislaman (Hisham Muhammad Taky Eldin Kandil et al, 2007).

Dari segi fokus, program kaunseling USIM memberi penekanan kepada bidang psikologi kaunseling, bukan kepada bidang kaunseling pendidikan. Ia memenuhi keperluan psikologi kaunseling yang meliputi aspek kepimpinan, pencegahan, pembaikan dan pemulihan. Dari segi matlamat, program Kaunseling USIM antaranya bertujuan melahirkan kaunselor profesional yang memiliki pengetahuan kaunseling dan asas pengajian Islam yang kukuh bagi memenuhi tuntutan semasa. Program Kaunseling USIM juga bertujuan memberi kefahaman mendalam kepada pelajar tentang teori dan konsep yang berkaitan dengan kaunseling supaya dapat diaplikasikan dalam aktiviti pembangunan serta penghayatan Islam, meningkatkan kemahiran mengurus program pembangunan insan dan pembangunan Islam menerusi pendekatan kaunseling secara profesional (Panduan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan 2006/2007, 2006).

Struktur Kurikulum

Struktur penawaran Program Kaunseling di USIM terbahagi kepada empat bahagian, iaitu komponen Kursus Universiti, Komponen Teras Fakulti, Komponen Kursus Program, dan Komponen Kursus Elektif/Minor. Berdasarkan komponen ini, didapati komponen pengajian Islam dan bahasa merangkumi hampir satu perempat sementara selebihnya terdiri dari komponen kaunseling dan pengajian umum. (Panduan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan 2006/2007, 2006).

Kursus Universiti berbentuk luas yang memberi pengetahuan dan kemahiran asas berhubung dengan tamadun Islam dan Asia, teknologi maklumat, pemikiran kreatif dan kritis, komunikasi, pengurusan kualiti, metodologi penyelidikan, latihan amali dan ko-kurikulum. Ini adalah kursus asas yang wajib diambil oleh semua pelajar dan merentasi semua program di USIM. Kursus Teras Fakulti ialah kursus bahasa (Arab dan Inggeris) dan kursus teras pengajian Islam yang meliputi pengetahuan asas dalam bidang Syariah, akidah, serta pengajin al-Quran dan al-Sunnah.

Kursus Program ialah kursus yang bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran luas dalam bidang psikologi dan kaunseling. Ia meliputi kursus asas teori, prinsip teknik, dan praktikum dalam kaunseling serta kursus-kursus asas dalam psikologi. Kursus ini wajib diambil oleh semua pelajar yang mengikuti Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian di USIM. Kursus Elektif/Minor adalah kursus di mana pelajar perlu ikuti dari fakulti lain. Ia bertujuan memperluaskan maklumat dan pengetahuan pelajar yang membolehkan mereka menjadi graduan yang memiliki skop ilmu yang agak liberal.

Latihan Penyediaan Kaunselor

Latihan penyediaan kaunselor Program Kaunseling di USIM dibincangkan dari sudut pengetahuan dan kemahiran, pembinaan sikap dan sahsiah, kaedah pengajaran dan pembelajaran, perspektif silang budaya, praktikum dan penyeliaan, penyelidikan dan penyediaan buku-buku rekod dan kaunseling.

- **Pengiktirafan Lembaga Kaunselor**

Program kaunseling USIM disusun supaya graduannya dapat memenuhi keperluan yang melayakkan seseorang itu untuk memperoleh pengiktirafan badan profesional seperti Lembaga Kaunselor Malaysia. Para lulusan USIM dibekalkan dengan aspek teori dan praktikal kaunseling yang membolehkan mereka menjadi sumber manusia profesional yang diperlukan negara.

Lapan elemen utama dalam bidang kaunseling seperti yang telah ditetapkan oleh CACREP (*The Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs*) seperti perhubungan menolong, kerja kelompok, penaksiran, kepelbagaian sosio-budaya, kerja dan gaya hidup, pertumbuhan dan perkembangan manusia, ujian dan pengukuran dan isu dan etika dimasukkan dalam subjek-subjek penawaran kursus Kaunseling USIM.

- **Akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia**

Program kaunseling USIM mendapat perakuan akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Agency (MQA)*. Ini penting kerana program pengajian yang diperakukan MQA memiliki kelebihan tersendiri seperti peluang penajaan dari badan-badan penaja, peluang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi terkemuka dengan pindahan kredit dan pertimbangan untuk berkhidmat di sektor awam. Malahan pihak majikan di sektor swasta turut menekankan kepada program pengajian yang telah diberi perakuan akreditasi MQA bagi maksud pengambilan calon pekerja mereka (<http://www.cacrep.org/directory.html>).

- **Pengetahuan dan Kemahiran**

Latihan penyediaan kaunselor di USIM menawarkan kursus yang memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar mengenai profesion kaunseling yang merangkumi teori, teknik dan proses kaunseling di semua peringkat umur yang menghadapi cabaran peribadi, sosial dan kerjaya. Aspek-aspek utama dalam memberi latihan dan pengetahuan adalah yang meliputi falsafah bimbingan dan kaunseling, konflik dan penyelesaian konflik yang berpunca daripada ketegangan diri dan masalah sosio-ekonomi dan budaya, etika dalam profesion menolong, teknik kaunseling dan psikoterapi, kaunseling individu dan kelompok perlu ditawarkan. Selain daripada itu, program latihan pendidikan kaunselor menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan kaunseling dan terapi keluarga, kaunseling industri dan pendidikan kemahiran keibubapaan bagi membantu menangani cabaran individu, kumpulan, keluarga dan masyarakat membangun yang berhadapan dengan kepelbagaian masalah dan gejala sosial.

- **Pembinaan Sahsiah (kaunselor berkepimpinan)**

USIM menyediakan program latihan penyediaan kaunselor pelajar yang dapat melahirkan lulusan bagi mengisi keperluan sumber daya manusia yang mencukupi bagi negara serta membangunkan daya dan tatacara yang unggul bagi pembangunan potensi manusia ke tahap kecemerlangan. Kursus-kursus yang ditawarkan juga berusaha menjadikan pelajar memiliki ciri-ciri yang diinginkan seperti beriman sejati, prihatin atas kesucian ilmu dan pengetahuan, berkebijaksanaan, berperikemanusiaan dan bertatalaku mulia. Lulusan

program kaunseling USIM dapat menyedari peranannya yang bersifat patriotis dan nasionalistis yang sihat serta bersifat literat budaya, literat agama dan literat global.

Kaunselor yang kompeten ialah kaunselor yang dapat membina hubungan yang positif dan konstruktif dengan komuniti tempatan dan serantau dan menyumbang serta menyokong pembangunan tempatan dan serantau. Di USIM, program penyediaan kaunselornya amat menyedari bahawa aspek membina sikap adalah sesuatu yang amat penting dalam latihan pendidikan kaunselor. Bertitik tolak dari kesedaran ini, penyertaan serta penglibatan aktif pelajar program kaunseling USIM dalam kelas amat digalakkan. Ini secara langsung dan tidak langsung dapat membimbing dan membentuk pelajar kemahiran kepimpinan. Pelbagai kaedah digunakan oleh pelajar program kaunseling USIM dalam usaha *to personalize the knowledge and experience..* Masa kuliah di bilik kelas tidak digunakan semata-mata untuk pensyarah memberi kuliah atau maklumat sahaja. Pelbagai aktiviti dijalankan dalam kelas untuk memastikan pelajar terlibat dan berpeluang menyumbang pendapat dan berkongsi pengalaman melalui sesi perbincangan kes, perbincangan isu serta pelbagai interaksi antara pelajar.

Bagi kursus yang melibatkan aspek kemahiran seperti kaunseling individu dan kaunseling kelompok, kaedah latihan yang digunakan di USIM merupakan kaedah yang melibatkan penyertaan aktif pelajar dalam amali di makmal, pemerhatian yang aktif, dan dengan melalui sendiri proses kaunseling (*experiential learning*). Bagi memastikan pelajar dapat menguasai aspek kemahiran kaunseling, banyak masa diperuntukkan untuk belajar berlatih melalui pelbagai latihan *role-play* dan amali di dalam makmal. Kaedah pemerhatian aktif yang merujuk kepada demonstrasi sesi kaunseling secara langsung *in-situ (live demonstration)* dan demonstrasi secara video yang disusuli dengan perbincangan dan analisis kepada sesi yang baru dipertontonkan juga perlu diamalkan. Seterusnya, kaunselor yang profesional memberi sumbangan yang amat besar dalam keberkesanan pengurusan perkhidmatan B&K.

Program kaunseling di USIM bertujuan melahirkan kaunselor yang profesional dan mempunyai personaliti yang cemerlang dari segi perwatakan, berpakaian dan tutur kata. Lulusan program kaunseling USIM dapat menjadi seorang yang berilmu, sentiasa belajar, proaktif, berfikiran positif, kreatif, berwawasan jauh ke hadapan, berkebolehan sosial, mempunyai jati diri yang tinggi, sentiasa bermotivasi dan senyum selalu.

- **Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran**

USIM menawarkan program latihan penyediaan kaunselor dengan menggunakan pelbagai kaedah. Kaedah yang pelbagai ini dapat memberikan kemahiran kepada kaunselor pelatih (Baird, 1996). Kaedah yang digunakan berkait rapat dengan kandungan dan fokus kursus-

kursus tertentu seperti penerangan secara teori dan kuliah, demonstrasi secara langsung, demonstrasi menggunakan video.

Pelajar program kaunseling USIM didedahkan dan perlu menjalani latihan di makmal. Latihan amali ini bertujuan memberi pengalaman kepada pelatih untuk menguasai kemahiran mengendalikan sesi-sesi kaunseling. Melalui demonstrasi dan proses latihan amali dalam makmal ini, pelajar memperolehi pengalaman langsung sesuatu sesi kaunseling diamalkan. Dari proses ini pelajar dapat membuat penilaian terhadap perkembangan sendiri ke arah menjadi kaunselor yang berkesan. Di samping itu, pelajar didedahkan dan dilatih untuk mentadbir dan membuat interpretasi inventori-inventori kerjaya.

Di USIM, penerangan secara teori dalam bentuk kuliah di dalam bilik darjah digunakan. Kaedah ini digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar, terutama jika pensyarah menggunakan pelbagai alat bantuan pengajaran-pembelajaran walaupun terdapat kursus yang tidak mempunyai komponen kuliah dalam pengendaliannya seperti latihan ilmiah/kertas projek dan praktikum kaunseling, namun penerangan (sama ada dalam bentuk kuliah atau taklimat) dilakukan. Penerangan secara teori/kuliah perlu diringi dan dimantapkan lagi dengan pelbagai "*teaching/learning tool*" bagi memudahkan lagi proses pembelajaran dan penghayatan pelajar. Penggunaan alat bantuan pengajaran-pembelajaran merupakan satu komponen penting dalam latihan pendidikan kaunselor di institusi latihan kaunselor. Antara *teaching-learning tools* yang biasa digunakan ialah tayangan video, bahan contoh atau model, dan helaian (*handouts*).

- **Perspektif Silang Budaya**

Latihan penyediaan program kaunseling di USIM mengambilkira perspektif silang budaya. Abdul Halim Othman (1996) menjelaskan bahawa asumsi teori yang bercanggah dengan sistem nilai masyarakat dan budaya masyarakat negara ini akan menimbulkan masalah dalam amalan sebenar kaunseling yang berpandukan teori berkenaan. Jelasnya, perbezaan-perbezaan asas tentang asumsi teori-teori personaliti Barat dan Timur meletakkan kaunselor dalam dilema ketika melaksanakan kaunseling. Kajian-kajian Pedersen (1983), Kim & Berry (1995) menunjukkan terdapatnya perbezaan antara perkembangan dan pengekal personaliti Barat dan Asia. Melihat kepada kepentingan kaunseling dari sudut perspektif silang dan pelbagai budaya, beberapa subjek yang memasukkan elemen silang/pelbagai budaya ditawarkan dalam program kaunseling USIM.

- **Penyeliaan Kaunseling**

Dalam latihan menghasilkan kaunselor profesional, aspek latihan perlu ditekankan. Selain pengetahuan teori, latihan praktikum yang diselia merupakan aspek yang penting.

Praktikum merujuk kepada latihan amali dengan pelatih diberi peluang mengaplikasi kemahiran kaunseling dan kemahiran yang berkaitan dalam seting di mana pelatih itu sendiri akan berkhidmat kemudian dengan klien yang sebenar di bawah penyeliaan penyelia yang berkelayakan. Bernard & Goodyear (1998) melihat penyeliaan sebagai satu intervensi yang diberikan oleh seorang penyelia yang berkemahiran kepada pelatih dalam profesion yang sama.

Baird (1996) menjelaskan praktikum ialah satu bentuk pembelajaran di luar seting bilik darjah dan satu usaha mempraktikkan kemahiran-kemahiran kaunseling yang dipelajari di bilik darjah ke dalam seting yang sebenar. Hubungan yang terjalin bersifat penilaian, mengambil masa dan bertujuan meningkatkan tahap keprofesionalisme kaunselor pelatih. Penyeliaan juga bertujuan melatih/memantau pelatih yang akan memasuki satu bidang profesion.

Latihan praktikum di USIM merupakan salah satu komponen asas dalam menyediakan pelatih kaunselor ke arah penguasaan kemahiran yang lebih mantap. Pelajar perlu menyediakan rancangan praktikum kaunseling, menggendalikan sesi kaunseling individu, sesi kaunseling kelompok dan aktiviti bimbingan. Mereka dikehendaki merekod aktiviti harian mereka, menyediakan laporan sesi yang telah dikendalikan dan bersedia untuk diselia. Pelajar mesti menyediakan Rancangan Praktikum Kaunseling, menggendalikan sesi kaunseling individu, sesi kaunseling kelompok dan aktiviti bimbingan.

- **Penyelidikan**

Penyelidikan telah lama dikenali sebagai satu daripada fungsi yang perlu dilaksanakan oleh kaunselor. Kajian tentang permintaan bidang pekerjaan, faktor-faktor sosiologi, psikologi, antropologi dan lain-lain semuanya bermakna dalam memberikan data-data dalam usaha kaunselor melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Di antara tujuan penyelidikan dan penilaian dalam kaunseling ialah untuk mendapatkan maklumat yang penting. Kejayaan sesuatu program harus berdasar kepada penggunaan maklumat. Jangkaan atau pandangan subjektif individu boleh diterima, tetapi tidaklah boleh dijadikan asas utama untuk merangka program atau aktiviti. Data-data berbentuk objektif adalah diperlukan untuk memulakan sesuatu perancangan yang boleh membawa kepada kejayaan sesuatu program. Latihan penyediaan program kaunseling USIM ada menawarkan subjek yang melatih pelajar untuk mahir dalam melaksanakan penyelidikan.

- **Penyediaan buku-buku rekod dan kaunseling**

Pelajar perlu menyediakan buku rekod dan kaunseling semasa menjalani sesi praktikum. Sesi kaunseling individu, kelompok dan aktiviti bimbingan perlu didokumentasikan. Laporan

sesi yang telah dikendalikan perlu direkod dalam borang yang disediakan. Penyediaan buku rekod dan kaunseling adalah penting sebagai bukti pelajar telah melaksanakan sesi praktikum.

Rumusan

Latihan penyediaan kaunselor yang berkesan di USIM diperlukan dalam usaha menuju ke arah profesionalisme. Ia juga untuk menyemai nilai kepimpinan dalam diri pelajar. Artikel ini telah meneliti beberapa aspek yang menyumbang kepada latihan penyediaan kaunselor yang mantap di USIM dengan memberi perhatian utama dari aspek pengetahuan dan kemahiran, pembinaan sahsiah, kaedah pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, penyediaan buku-buku rekod dan kaunseling dan sifat kepimpinan pelajar.

Rujukan

- Abdul Halim Othman & Sharifah Bee (1993). Guidance, counseling and counselor education in Malaysia. Dalam Abdul Halim Othman dan Amir Awang (Eds). *Counseling in The Asia pacific regions*. Wesport. C.T. Greenwood Press
- Abdul Halim Othman. (1999). Dari Jamong Ke Laser. Sejarah, Konsep dan Perlaksanaan kaunseling di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Simposium Kaunseling Kebangsaan pada 17.8.1996.
- Baird, B.N . (1996). *The Internship, practicum, and field placement handbook. A guide for the helping professions*. New Jersey. Prentice Hall.
- Hisham Muhammad Taky Eldin Kandil, Sapora Sipon, Nidzamuddin Zakaria , Anuar Sani & Hariza Mohd Yusof (2007). *USIM: Merintis Kejayaan Pioneering Success*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Garis Panduan Penulisan Program Akademi KPT (2010). Batu Pahat. UTHM
<http://www.cacrep.org/directory.html>
<http://www.cacrep.org/directory.html>
- Kim, U. & Berry,J.W. (eds) (1995). *Indigenous Psychologies, research and experience in cultural context*. Newbury Park: Sage Publication.
- Panduan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan 2006/2007, (2006). Bandar Baru Nilai: KUIM.
- Pedersen, P (1983). *Asian theories of personality*. Monterey. California. Brooks/Cole Publisher.